

Gerak segera jawatankuasa Dasar Buku Negara

n.m m/36
10.2.07

KUALA LUMPUR 9 Feb. – Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mahu lima jawatankuasa kerja Dasar Buku Negara (DBN) digerakkan segera bagi memastikan fokus memperkasakan bahasa kebangsaan dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Beliau berkata, ini penting bagi memastikan gelombang baru gerakan memperkasakan bahasa kebangsaan yang telah dimulakan sejak 2004 terus berjalan sehingga mencapai matlamatnya.

“Melalui jawatankuasa tersebut, saya berharap indikator yang kita tetapkan seperti penyediaan Akta Buku, DBN dan Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM) dapat dicapai,” katanya.

Lima jawatankuasa tersebut ialah Jawatankuasa Kerja Pembentukan Dasar, Akta,

Organisasi dan Amalan Keprofesionalan; Jawatankuasa Kerja Pembangunan Modal Insan Industri Penerbitan dan Pembukuan; dan Jawatankuasa Kerja Penggalakan Minat Membaca dan Pembangunan Perpustakaan Komuniti.

Dua lagi jawatankuasa ialah Jawatankuasa Kerja Promosi, Penjenamaan, Pengiktirafan dan Pemasaran; dan Jawatankuasa Kerja Pembangunan Penggalakan Industri Penjeremahan.

Hishammuddin berkata demikian ketika berucap merasmikan Program Gerak Baca 2007 anjuran Kementerian Pelajaran, MBKM dan Perpustakaan Negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) malam ini.

Hadir sama Pengerusi MBKM merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Program Ge-

rak Baca 2007, Tan Sri Abdul Rafie Mahat.

Beliau menambah, agenda memperkasakan bahasa kebangsaan merupakan salah satu fokus utama di dalam teras pertama Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) iaitu untuk Membina Negara Bangsa.

“Jangan kita lupa dalam perspektif pelan induk yang dilancarkan baru-baru ini, gerakan membaca dan pemantapan pelaksanaan DBN adalah sebahagian daripada usaha memperkasakan bahasa kebangsaan,” katanya.

Hishammuddin berkata, sehingga ini gelombang baru gerakan memperkasakan bahasa kebangsaan itu telah mencapai banyak kemajuan.

Mengenai kempen gerakan membaca, beliau berkata, ia akan disemarakkan di peringkat matrikulasi dan institusi pendidikan guru.